



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

MAJLIS PERASMIAN PERTANDINGAN REKACIPTA POSTER  
"RECYCLE FOR A LIFE CYCLE 2020"

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**29 FEBRUARI 2020 (SABTU)**  
**9:00 PAGI**

**DEWAN SEKOLAH MENENGAH BERAPIT  
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Cariessa Goh Geak Hwa**  
Pengurus Korporat Fraser & Neave Holdings Bhd.

**Yang Berusaha Puan Terrynz Tan**  
Pengarah Alam Sekitar Tetra Pak Malaysia, Singapore & Philippines

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Choo Poh Lean**  
Pengetua  
Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit

**Yang Berusaha Puan Lim Poh Sew**  
Yang Dipertua PIBG  
Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit

**Guru-Guru dan Murid-Murid Sekolah Yang Menyertai Pertandingan Rekacipta Poster 2020**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Pertandingan Merekacipta Poster *Recycle for a Life Cycle* 2020. Terlebih dahulu saya ingin menucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis ini.

Program pada hari ini merupakan salah satu aktiviti di bawah Pertandingan Kitar Semula Sekolah Fraser & Neave 2020. Penaja utama bagi anugerah ini adalah Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB), manakala penaja bersama bagi program ini adalah Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak pengajur Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) dan Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. kerana telah menyahut cabaran Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam melaksanakan program-program hijau dan bersih yang sering diwar-warkan oleh MBSP. MBSP amat berterima kasih kepada Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) dan Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang berterusan dalam

memperkasakan pendidikan serta kesedaran pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai. Kerjasama serta gandingan bahu badan korporat dan industri bersama-sama dengan MBSP dalam melaksanakan program-program hijau dan bersih menepati slogan MBSP iaitu *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan konsep 7P ini, banyak hasil terbaik dapat diperolehi.

Adalah diharapkan penajaan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan program-program seumpama ini. Seberang Perai ini bukan hak MBSP sahaja tetapi hak kita bersama untuk menjaganya. Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Fraser & Neave Holdings Bhd. (FNHB) dan Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. ini haruslah dijadikan contoh oleh badan-badan korporat dan industri.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada guru-guru dan murid-murid sekolah, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa untuk hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi*”. Ini adalah selaras dengan yang termaktub dalam *Penang2030 “A Family-Focused Green and Smart States That Inspires the Nation”*.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan pengurangan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, MBSP mensasarkan untuk menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Saya memahami sasaran yang ditetapkan adalah tinggi untuk dicapai. Bagaimanapun, demi kesejateraan rakyat, seluruh warga kerja MBSP berjanji memastikan sasaran tersebut dicapai dan menjadikannya satu kontrak sosial yang dilaksanakan secara bersama dengan rakyat dan *stakeholders*.

Salah satu hala tuju MBSP adalah untuk mencapai Kadar Kitar Semula sebanyak 70% dan pengurangan 50% per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 51.64% pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 4.49% dari tahun 2018.

Ini semua adalah hasil daripada pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy* yang rancak dilaksanakan di Seberang Perai. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai kerana kita berada di landasan yang betul.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu. Justeru itu marilah

kita teruskan momentum ini, tidak boleh ditangguh atau dilengahkan, memandangkan kita mempunyai visi yang lebih besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022.

Pencapaian ini juga membolehkan MBSP melaksanakan kesemua 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merupakan sasaran *New Urban Agenda 2030* untuk mencapai Bandar raya yang mampan. Pencapaian ini telah diiktiraf oleh *United Nations* (UN) dan MBSP telah membentangkan pencapaian ini semasa persidangan *10th World Urban Forum* pada 8 hingga 13 Februari 2020 di Abu Dhabi, UAE. MBSP adalah antara beberapa bandar raya di dunia, selain daripada New York, Helsinki, Tokyo dan Taipei, yang telah berjaya membentangkan *Voluntary Local Review* berkenaan pelaksanaan 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) di Seberang Perai. Seberang Perai telah berjaya melaksanakan kesemua 17 SDGs di peringkat tempatan dan telah menjadikannya satu kenyataan kepada masyarakat, isi rumah dan individu.

Pada 1 November 2019, *Carbon Disclosure Project* (CDP) yang berpengkalan di United Kingdom dan dalam Persidangan Rangka Kerja

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) telah menyenaraikan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) antara 10 bandar raya terbaik di Asia pada tahun lepas. MBSP juga disenaraikan antara 100 bandar raya terbaik dunia oleh CDP yang dan diiktiraf sebagai pemimpin global dalam menangani perubahan iklim dengan mencapai tempat dalam senarai A iaitu Kategori Kepimpinan oleh CDP. Pengiktirafan ini adalah berdasarkan tindakan Seberang Perai dalam membangunkan strategi perubahan iklim yang mantap, bertindak menghadkan dan mengurangkan pelepasan (karbon), menilai risiko iklim serta melaporkan secara telus maklumat-maklumat ini kepada CDP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Tujuan Pertandingan Rekacipta Poster 2020 ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan para pelajar sekolah tentang kepentingan kitar semula dan aktiviti *upcycle* barang-barang buangan. Selain itu ia juga bertujuan menyemai perubahan tingkah laku (*behavioural change*) positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kitar semula selaras dengan tema pertandingan melukis poster ini iaitu ‘*Recycle for a Life Cycle*’.

Tahun ini (2020) merupakan tahun pertama pertandingan melukis poster ini diadakan. Pertandingan melukis poster ini menggantikan pertandingan merekacipta produk *Upcycle* yang telah diadakan pada tahun 2018 dan 2019. Pertandingan ini terbuka kepada 20 sekolah menengah dan 20 sekolah rendah.

Rekabentuk poster adalah bertemakan “*Recycle for a Life Cycle*”. Konsep dan rekacipta mestilah digarap oleh pelajar dan guru dan dipersembahkan di tempat pertandingan dengan menggunakan bahan yang telah disediakan di tempat pertandingan oleh penganjur.

Setiap sekolah akan diwakili oleh lima orang pelajar dan seorang guru pengiring. Guru pengiring ini dibenarkan untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang pertandingan berlangsung. Namun hanya para pelajar dibenarkan untuk menyiapkan projek. Setiap sekolah perlu menyiapkan poster tersebut dalam tempoh tiga (3) jam untuk menyiapkan poster tersebut.

Kriteria penilaian poster yang dilukis adalah:-

- i. Poster: Keaslian, mesej yang dibawa, kreativiti dan lain-lain.
- ii. Kemahiran Organisasi: Perancangan,pengurusan masa dan kekemasan.
- iii. Semangat Berpasukan:Kemampuan bekerjasama antara satu sama lain, pembahagian tugas dan pemberian arahan yang jelas.
- iv. Kebersihan : Kebersihan sepanjang menyiapkan poster dan selepas poster sempurna disiapkan.

Hadiyah yang disediakan bagi pertandingan ini adalah RM 500.00 untuk Johan, RM400.00 untuk tempat kedua dan RM300.00 untuk tempat ketiga bagi kategori sekolah menengah dan sekolah rendah.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Sepanjang pertandingan melukis poster ini diadakan, terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan oleh penganjur untuk pelajar-pelajar sekolah yang tidak terlibat dengan pertandingan melukis poster. Sekolah-sekolah digalakkan untuk membawa para pelajar yang lain untuk menyertai Fun Day yang diadakan ini.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah beberapa permainan yang berkonsepkan tema penganjur iaitu *Recycle for a Life Cycle*. Penganjur juga mengadakan sesi bercerita dengan membawa pencerita untuk memberi kesedaran menjaga alam sekitar kepada para pelajar melalui aktiviti bercerita.

MBSP juga akan melaksanakan beberapa program sepanjang tahun 2020 yang melibatkan penyertaan sekolah-sekolah di Seberang Perai, iaitu:-

- i. Kempen / Pertandingan Kitar Semula sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah. Program ini adalah anjuran

bersama MBSP dengan Fraser & Neave Holdings Berhad.

Sasaran penyertaan adalah 100 sekolah tadika, 110 sekolah rendah dan 50 sekolah menengah. Mulai bulan Mac 2020, bengkel kitar semula akan diadakan untuk guru-guru tadika perpaduan, guru tadika kemas dan sekolah tadika swasta.

- ii. Anugerah Sekolah Hijau.
- iii. Pertandingan permainan hijau digital sekolah untuk merebut Piala Datuk Bandar.
- iv. Latihan pendidikan kualiti air sungai untuk murid-murid sekolah menengah yang akan disusuli dengan Pertandingan Kuiz Kualiti Air pada 6 November 2020.
- v. Pertandingan projek kualiti air dan perubahan iklim.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,**

Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menanam sifat menyayangi alam sekitar kepada golongan para pelajar dan para pendidik. Salah satu cara untuk menzahirkan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar adalah dengan menjadikan kitar semula sebagai satu budaya.

Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar. Ini adalah seiring dengan halatuju Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon pada 2022 dan Bandaraya Neutral Karbon pada 2030.

Saya merasa amat bangga atas penglibatan sekolah-sekolah dalam menjayakan program ini ke tahap yang membanggakan. Saya ingin memaklumkan bahawa sekolah yang memenangi pertandingan pada hari ini akan dibawa bertanding di peringkat kebangsaan pada 10 hingga 12 Jun 2020 dengan segala perbelanjaan ditanggung oleh Fraser & Neave Holdings Berhad.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Di kesempatan ini, saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada bakal-bakal pemenang Pertandingan Rekacipta Poster 2020 yang akan diumumkan di akhir program pada hari ini. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya untuk menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah Berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah

perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

MBSP ingin mengucapkan terima kasih kepada Fraser & Neave Holdings BHD (FNHB), Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd dan guru-guru serta murid-murid yang menyertai pertandingan ini. Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitian evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat

bagi mencapai “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau

“***Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow***”.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

Terima kasih.